

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]**

**SOALAN** : **Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan strategi dan kerjasama antara Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan bagi membendung peningkatan harga barang makanan seperti sayuran dan buah-buahan dalam pasaran terutama selepas bencana banjir yang melanda negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Strategi dan kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah:-

- (i) Membekalkan maklumat harga pasaran bagi hasil-hasil pertanian terpilih (48 komoditi). Maklumat tersebut meliputi tiga peringkat iaitu di peringkat ladang, borong dan runcit.
- (ii) Membekalkan maklumat pasaran bagi membantu memenuhi keperluan dalam penyediaan peramalan dan penetapan harga

siling bagi empat siri Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas setiap tahun.

- (iii) Membekalkan laporan analisis perbandingan bagi 44 item sayur-sayuran terpilih di negeri –negeri yang mengalami banjir pada penghujung tahun Disember 2014 dan awal Januari 2015 dengan disertakan Arah Aliran Harga Harian (Runcit) Sayur-Sayuran Terpilih (Musim Banjir) Di Semenanjung Malaysia, Kelantan, Terengganu, Pahang Dan Perak bagi tempoh 23 Disember 2014 hingga 2 Februari 2015.

Pembekalan maklumat ini diharapkan dapat membantu membendung peningkatan harga barang makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dalam pasaran.

Di samping itu, MOA melalui FAMA telah mengadakan Program Pasar Tani Khas Pasca Banjir untuk tempoh sebulan bermula 9 Januari 2015 sehingga 1 Februari 2015 sebagai langkah alternatif untuk membolehkan pengguna mendapatkan bekalan makanan pada harga yang lebih rendah antara 20% hingga 60% bagi 20 komoditi terpilih melibatkan 6 negeri yang terlibat dengan banjir. Pada masa ini juga program Jualan Turun Harga di Pasar Tani sedang dilaksanakan di Pasar Tani seluruh negara dengan penurunan harga antara 5% hingga 20% berbanding harga pasar awam setempat melibatkan minimum 73 komoditi terpilih.

Kerjasama turut diwujudkan bersama dengan pihak KPDNKK dalam pelaksanaan program melibatkan aspek berikut:-

- (i) Pematuhan kepada paparan tanda harga oleh usahawan Pasar Tani terutamanya semasa sambutan musim perayaan.
- (ii) Pemeriksaan ke atas penggunaan alat timbang dan sukat oleh usahawan Pasar Tani.
- (iii) Pematuhan kepada harga kawalan semasa musim perayaan.